

01 MAY 2002

Mahathir-Dinar/I

PENGUNAAN DINAR EMAS BOLEH DIPERLUASKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Hasrat Malaysia menggunakan dinar emas dalam sistem perdagangan antarabangsa tidak akan dihadkan hanya kepada 24 buah negara yang mempunyai perjanjian pembayaran dua hala dengannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak semestinya negara-negara ini sahaja, (ia termasuk) mana-mana negara yang kita boleh runding," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Hari Pekerja 2002 bagi anggota sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) hari ini.

Kerajaan, kata Dr Mahathir masih mengkaji negara-negara yang sesuai untuk dijalankan perdagangan dengan menggunakan sistem itu tetapi belum ada keputusan dibuat.

"Bukan mudah nak bagi orang terima penggunaan sesuatu mata wang tetapi kita yakin dengan beberapa negara yang mempunyai hubungan yang rapat dengan kita," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata penggunaan dinar emas untuk perdagangan antarabangsa boleh dimulakan hanya dengan penyertaan dua atau tiga buah negara.

Beliau berkata Malaysia malahan boleh melakukan pembayaran perdagangan antarabangsanya menggunakan dinar emas dengan rakan dagangan kecilnya.

Dr Mahathir yang baru-baru ini melawat Maghribi, Libya dan Bahrain berkata negara-negara berkenaan, yang mempunyai dagangan dua hala yang kecil dengan Malaysia, telah menyatakan minat yang mendalam terhadap dinar.

Beliau turut mendedahkan bahawa beberapa negara Arab mungkin menerima dinar emas sebagai pembayaran perdagangan antarabangsa mereka.

Perdana Menteri yang merupakan penyokong kuat dan penggalak bagi penggunaan dinar, berkata pergerakan fizikal dinar untuk membayar perdagangan antarabangsa akan dikurangkan dengan perjanjian pembayaran dua hala.

Pembayaran itu yang perlu dilunaskan, akan terhad kepada perbezaan antara nilai import dengan eksport, katanya.

Bagaimanapun, melalui sistem e-dinar, tiada pergerakan dinar emas diperlukan, kata Dr Mahathir.

Sistem e-dinar merupakan pembayaran elektronik dan sistem pertukaran melalui internet yang memudahkan transaksi berasaskan emas antara individu.

Dr Mahathir berkata e-dinar oleh itu boleh digunakan bagi perdagangan antarabangsa tetapi perjanjian dua hala mengenainya adalah diperlukan.

"Kita sedang menggalakkan e-dinar (bagi perdagangan antara negara) tetapi kita perlu melakukannya secara lembut. Kita tidak boleh paksa negara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata adalah sukar bagi negara-negara untuk menerima dinar emas kerana ia merupakan satu perkembangan baru yang memerlukan mereka mengkaji implikasinya terhadap ekonomi mereka dan hubungan dengan negara lain.

Tambahan pula, apabila negara-negara menggunakan dinar emas sebagai rizab mereka, mereka mengetahui hakikat bahawa ia tidak memperolehi faedah, kata Dr Mahathir.

"Tetapi ada jalan lain bagi memastikan nilai dinar emas kekal dan boleh menyaingi inflasi," katanya.

Mengenai berapa cepat dinar emas boleh dilaksanakan bagi perdagangan antarabangsa, beliau berkata ia bergantung kepada penerimaan terhadap mata wang emas itu.

Bagi menggalakkan lagi dinar di peringkat antarabangsa, beliau berkata Malaysia akan mengadakan satu seminar antarabangsa mengenainya tidak lama lagi.

-- BERNAMA

MAD HS RON